

Home » Bahasa Malaysia » Puspakom umum pengkhususan pemeriksaan di cawangan Taman Bukit Maluri dan Batu Caves

Puspakom umum pengkhususan pemeriksaan di cawangan Taman Bukit Maluri dan Batu Caves

In Bahasa Malaysia, Berita Tempatan / By Izwaashura Sadali / 26 April 2016 5:00 pm / 0 comments



Puspakom telah mengumumkan, mulai 23 Mei 2016, Pusat Pemeriksaan Puspakom Batu Caves akan dikhususkan untuk pemeriksaan Kenderaan Persendirian sahaja, manakala cawangan Taman Bukit Maluri hanya untuk pemeriksaan Teksi dan Kenderaan Perdagangan Ringan (BDM 5,999kg ke bawah).

Menurut kenyataan yang dihantar oleh Puspakom, perubahan serta penambahbaikan ini bertujuan untuk melancarkan aliran trafik serta mempercepatkan operasi di pusat-pusat pemeriksaan tersebut. Aliran trafik yang lebih lancar akan dapat memberi keselesaan kepada para pelanggan khususnya pemilik kenderaan persendirian, pengusaha kereta terpakai, teksi, kenderaan perdagangan ringan dan komuniti sekeliling serta mengurangkan masa menunggu.

Di samping itu, cawangan Batu Caves akan menambah dua lagi lorong pemeriksaan menjadikannya kepada lima lorong pemeriksaan untuk menampung keperluan pemeriksaan bagi kenderaan persendirian. Hasil daripada pengkhususan ini, kapasiti di cawangan tersebut akan meningkat sebanyak 67%.

Manakala Pusat Pemeriksaan Puspakom Taman Bukit Maluri akan dibahagikan kepada dua bahagian yang mana setiap bahagian merangkumi empat lorong. Salah satu bahagian akan dikhususkan untuk pemeriksaan teksi manakala satu bahagian lagi akan dihaskan untuk pemeriksaan kenderaan ringan.


Ini bertujuan untuk mengurangkan kesesakan trafik yang berlaku semasa menuju ke laluan keluar masuk di cawangan tersebut, secara tidak langsung ianya akan meningkatkan lagi produktiviti dan mengurangkan masa menunggu untuk memaksimumkan kapasiti pemeriksaan.

Walaupun bagaimanapun, cawangan-cawangan lain yang terletak di sekitar Lembah Klang seperti di Petaling Jaya, Pandan Mewah, Bangi, Banting, Cheras, Glenmarie, Padang Jawa, Shah Alam, Sungai Besar, Wangsa Maju dan juga Seremban masih menyediakan perkhidmatan pemeriksaan seperti sedia kala.

Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom, Mohammed Shukor Ismail berkata, "Pelaksanaan pengkhususan di cawangan-cawangan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Puspakom untuk meningkatkan lagi tahap kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Pengkhususan ini akan dapat mengurangkan masa menunggu, menawarkan keadaan yang lebih selesa kepada pelanggan serta meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan Puspakom kepada pelanggan."

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas to 1-800-88-6927 atau emel dp.customerservice@puspakom.com.my atau layari laman web www.puspakom.com.my.

SEARCH OUR STORIES



Relevant Listings Latest Price

- USED BMW 525i E60 (5 STAR CONDITION)**
Year Make 2004/08 JAPAN PREMIUM HILINE ...
RM 56,800 Johor
- NEW 2016 Ford Ranger 2.2 XLT 4x4 (Rm 60...**
New Ranger Facelift Promotion !!! **...
RM 103,688 Kuala Lumpur
- NEW 2016 Honda Jazz 1.5 i-VTEC NEW**
HONDA JAZZ 1.5L i-VTEC* *5 years...
RM 68,000 Selangor
- NEW 2016 Honda CR-V 2.0 i-VTEC**
Honda CR-V iVTEC 2.0 2WD 2.0 4WD 2.4 4 ...
RM 135,800 Selangor
- NEW ReBate-Rm15,500-0' D.Payment-Ford...**
PLS CALL FOR BEST OFFER 017-776 9636 -...
RM 72,888 Kuala Lumpur
- NEW 2016 Ford Ranger 2.2L (AT) XLT 4x4**
PLS CALL FOR BEST OFFER 017-776 9636 -...
RM 103,600 Kuala Lumpur

RELATED CARS FOR SALE ON



BMW 525i E60 (5 STAR CONDITION)
RM 56,800



2016 Ford Ranger 2.2 XLT 4x4 (Rm 6000 + free
RM 103,688



2016 Honda Jazz 1.5 i-VTEC NEW
RM 68,000



2016 Honda CR-V 2.0 i-VTEC
RM 135,800

